

Kadar Asas (KA) / Kadar Pinjaman/Pembiayaan Asas (KPA)
Soalan-Soalan Lazim

9 Mei 2023

1. Apakah perbezaan antara KA dan KPA?

KPA ditentukan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) berdasarkan kos untuk memberi pinjaman/pembiayaan kepada Institusi Kewangan. Untuk KA, yang mana berkuatkuasa pada 2 Januari 2015, ditentukan oleh Kos Dana Penanda Aras Bank (BCOF) dan Kos Keperluan Rizab Berkanun (SRR). Komponen kadar harga pinjaman/pembiayaan Bank yang lain termasuk risiko kredit pememinjam/pelanggan, risiko kecairan premium, kos operasi dan margin keuntungan. Komponen ini diambilkira bagi pengiraan kadar pembolehubah KA.

Contoh perbezaan antara KPA dan KA.

Jumlah pinjaman/pembiayaan : RM350,000

Tempoh pinjaman/pembiayaan : 30 tahun

	KPA	KA
Kadar Rujukan	KPA pada 9 Mei 2023 : 6.85%	KA pada 9 Mei 2023 : 4.00%
Kadar Faedah/ Keuntungan setahun	KPA – 2.10%	KA + 0.75%
Kadar Faedah Semasa / Kadar Keuntungan Efektif setahun	4.75% (6.85% - 2.10%)	4.75% (4.00% + 0.75%)
Ansuran Bulanan	RM1,826.00	RM1,826.00

2. Apakah jenis pinjaman/pembiayaan yang terkesan dengan perubahan KA dan KPA?

Ia melibatkan semua pelanggan baru dan pelanggan sedia ada (sebagai contoh, Pembiayaan Hartanah, Pembiayaan ASB, Pembiayaan Kenderaan dan Overdraft/Cashline) yang mana kadar keuntungan / faedah untuk pinjaman/pembiayaan tersebut adalah berdasarkan KA/KPA. Ianya termasuk Pinjaman Konvensional dan Pembiayaan Islamik.

3. Adakah pembiayaan semula (refinancing) atau pembiayaan tambahan (top-up) untuk kemudahan sedia ada terkesan dengan KA/KPA.

Ya, ia akan terkesan.

4. Apakah perbezaan antara KA untuk Pinjaman Konvensional dan Pembiayaan Islamik?

Ia adalah sama untuk kedua-duanya untuk Pinjaman Konvensional dan Pembiayaan Islamik.



5. Bagaimana Bank memaklumkan kepada pelanggan berkenaan perubahan KA dan KPA?

CIMB menggunakan pelbagai saluran untuk memaklumkan kepada pelanggan berkenaan perubahan KA/KPA (berkuatkuasa 9 Mei 2023) melalui :

- i. **Saluran Media** pada 05052023
- ii. **Notis** makluman melalui Cawangan Bank, Pusat Perkhidmatan Perbankan Automotif dan sebagainya serta melalui saluran digital seperti Notis Penting 'Clicks', Laman Sesawang CIMB dan sebagainya.
- iii. **Surat makluman kepada pelanggan mengenai perubahan Ansuran Bulanan:** Notis akan dihantar kepada alamat pelanggan berdasarkan rekod Bank.

6. Apakah kesan kenaikan KA/KPA kepada bayaran ansuran bulanan pinjaman/pembiayaan saya?

Ansuran bulanan pinjaman/pembiayaan anda akan disemak semula sewajarnya berdasarkan perubahan KA/KPA.

7. Bilakah ansuran bulanan pinjaman/pembiayaan yang telah disemak semula akan berkuatkuasa?

Ansuran bulanan pinjaman/pembiayaan yang telah disemak semula akan berkuat kuasa pada Julai 2023.

Untuk Pembiayaan Auto, jumlah ansuran bulanan yang disemak semula akan berkuat kuasa sama ada pada bulan Jun 2023 atau Julai 2023, tertakluk kepada tarikh bayaran.

8. Adakah Bank akan menyemak semula jumlah ansuran bulanan pinjaman/pembiayaan saya walaupun perbezaan amaun adalah kecil?

Ya, Bank akan menyemak semula jumlah ansuran bulanan pinjaman/pembiayaan tanpa mengira perbezaan amaun.

9. Apakah yang perlu saya lakukan jika jumlah ansuran bulanan pinjaman/pembiayaan dibuat melalui auto debit/ arahan tetap?

- i. **Untuk pembayaran pinjaman/pembiayaan auto-debit daripada akaun Semasa/Simpanan anda**: ia akan dikemas kini mengikut pilihan yang dipilih melainkan dimaklumkan oleh Bank
- ii. **Untuk Arahan Tetap yang telah dibuat melalui CIMB atau institusi perbankan lain**: jika terdapat sebarang arahan tetap dengan CIMB atau bank lain, anda perlu mengemas kini arahan tetap anda dengan sewajarnya dengan Bank masing-masing.

10. Bagaimana saya boleh mengira jumlah ansuran bulanan pinjaman/pembiayaan yang dikemaskini selepas perubahan KA?

Anda boleh menggunakan kalkulator pinjaman/pembiayaan kami untuk mengira jumlah ansuran anda yang dikemaskini di www.cimb.com.my/en/personal/day-to-day-banking/tools.



11. Bolehkah saya mengekalkan jumlah bayaran ansuran sedia ada saya?

Ya, anda boleh mengekalkan jumlah bayaran ansuran sedia ada, (rujuk S12 di bawah). Sila ambil perhatian bahawa bagi mengekalkan jumlah ansuran sedia ada, anda mungkin akan dikenakan tempoh pinjaman/pembiayaan yang lebih panjang dan anda mungkin perlu membayar amaun bayaran akhir yang lebih tinggi pada akhir tempoh pembayaran untuk menampung jumlah perbezaan tersebut. Ia berkemungkinan juga mengakibatkan kos pembiayaan yang lebih tinggi untuk anda.

Dengan memilih cara ini, akaun pembiayaan/peminjaman anda akan berada di bawah program bantuan pembayaran kami yang juga dikenali sebagai Penjadualan Semula dan Penstrukturkan Semula.

12. Bagaimana jika saya ingin mengekalkan ansuran yang sama, apa yang perlu dilakukan?

Anda boleh memohon untuk mengekalkan jumlah ansuran sedia ada melalui Pusat Panggilan Pelanggan (terpakai untuk akaun individu sahaja) atau lawati mana-mana cawangan CIMB terdekat.

13. Saya sedang mengikuti Program Bantuan Pembiayaan, seperti Program Bantuan Banjir atau URUS dan disebabkan oleh semakan semula KA/KPA, adakah amaun ansuran bulanan yang disemak semula itu akan turut terkesan?

Tiada perubahan pada pembayaran ansuran anda sehingga program tersebut tamat. Apabila tamat, Bank akan menghantar notis makluman mengenai jumlah ansuran bulanan yang baru.

14. Jika saya mempunyai pertanyaan lanjut mengenai KA/KPA, siapakah yang boleh saya hubungi?

Anda boleh menghubungi:

- Pusat Panggilan Pelanggan di talian 03-6204 7788
- Lawati cawangan CIMB terdekat anda
- Bagi pelanggan CIMB Preferred, anda boleh menghubungi talian 1300 885 300 atau menghubungi Pengurus Kewangan anda
- Bagi pelanggan Korporat, anda boleh menghubungi Pusat Panggilan Perniagaan kami di 1300 888 828 atau menghubungi Pengurus Kewangan anda (jika ada)